

Perspektif penterjemahan karya sastera prosa Arab ke bahasa Melayu dalam kajian-kajian lepas

[Perspective on the translation of Arabic prose literature into Malay in past research]

Nik Norimah Tuan Mat^{1*}, Noor Eliza Abd Rahman,¹ & Azman Che Mat²

¹ Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

² Akademi Pengajian Bahasa dan Undang-undang, UiTM Cawangan Terengganu, Malaysia.

* Corresponding Author: Nik Norimah Tuan Mat. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia. e-Mail: niknorimah@yahoo.com, Telp.: (+60) 1125542021. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-1115-4502>

Keywords:

Perspective; Translation; Literature; Arabic Prose; Malay Language

ABSTRACT

Translating Arabic prose literature into Malay is not an easy task especially when dealing with rhetoric. Translators frequently face difficulties in understanding figurative meaning when translating rhetoric in a literary text. Therefore, this research examines discourse on the translation of Arabic prose literature into Malay in past researches. The research focuses on two aspects, being i) Arabic-Malay translations of literature which are often used as research material to observe the tendency of aspects of research by scholars and ii) translation method and strategy for figurative language in Arabic-Malay translation of literary works. This research is designed in qualitative form through the method of content analysis of books, journal articles, articles in proceedings and theses. Data is analysed in a descriptive manner in order to observe the perspective of translation of Arabic prose literature into Malay in past researches. Kalilah wa Dimnah, Riḥlah Ibn Baṭṭūṭah, Hikāyat Alf Laylah wa Laylah and Masrūr wa Maqrūr are Arabic-Malay literature translation that are often used as research material. Results of the research show that past research tend to analyse the translation of Arabic-Malay prose from the aspect of theory, method and strategy used by translators in translation works. Choosing a theory, method and strategy has a potential impact on producing good translations in the targeted language and even preserve literary values as intended precisely by the source text.

Kata Kunci:

Perspektif; Penterjemahan; Karya Sastera; Prosa Arab; Bahasa Melayu

ABSTRAK

Penterjemahan karya sastera prosa Arab ke bahasa Melayu bukanlah mudah terutamanya menangani retorika. Penterjemah sering menghadapi kesukaran memahami makna figuratif apabila menterjemah retorika dalam teks kesusasteraan. Justeru, kajian ini mengupas perbincangan mengenai penterjemahan karya sastera prosa Arab ke bahasa Melayu dalam kajian-kajian lepas. Kajian tertumpu kepada dua aspek iaitu: i) karya sastera terjemahan Arab-Melayu yang kerap dijadikan sebagai bahan dalam kajian terjemahan Arab-Melayu bagi meninjau kecenderungan aspek kajian oleh para sarjana, dan ii) kaedah dan strategi penterjemahan

bahasa kiasan dalam terjemahan karya sastera Arab-Melayu. Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan terhadap buku, artikel jurnal, makalah dalam prosiding dan tesis. Data dianalisis secara deskriptif bagi melihat perspektif penterjemahan karya sastera prosa Arab ke bahasa Melayu dalam kajian-kajian lepas. *Kalīlah wa Dimnah*, *Rihlah Ibn Baṭṭūṭah*, *Hikāyat Alf Laylah wa Laylah* dan *Masrūr wa Maqrūr* merupakan karya sastera terjemahan Arab-Melayu yang sering dijadikan bahan kajian. Hasil kajian menunjukkan kajian-kajian lepas cenderung menganalisis hasil terjemahan karya sastera prosa Arab dari aspek teori, kaedah dan strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam sesebuah karya terjemahan. Pemilihan teori, kaedah dan strategi tertentu mampu memberi impak dalam penghasilan terjemahan yang baik dalam bahasa sasaran malah mengekalkan nilai-nilai kesusasteraan persis kehendak teks sumber.

Received: September 15, 2022

Accepted: November 01, 2022

Online Published: December 31, 2022

How to Cite:

Tuan Mat, N. N., Abd Rahman, N. E., & Che Mat, A. (2022). Perspektif penterjemahan karya sastera prosa Arab ke bahasa Melayu dalam kajian-kajian lepas. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 924-936. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.326>

1. Pendahuluan

Teks sastera seperti prosa, puisi dan novel adalah teks yang mengandungi imaginasi dan fakta (Azri & Ahmad, 2020). Penterjemahan teks atau karya sastera bukanlah suatu tugas yang mudah, kerana mempunyai cabaran tersendiri yang perlu ditangani dalam proses penterjemahan. Che Mat (2016), menyatakan bahawa kekangan sering kali timbul disebabkan oleh perbezaan budaya yang wujud dalam sesebuah karya kerana wujudnya perbezaan pemikiran, gaya hidup dan pandangan dunia antara sesebuah kaum atau masyarakat.

Fu (2016), menyatakan terdapat tiga kesukaran yang perlu ditangani dalam penterjemahan karya sastera klasik iaitu pertama, berkaitan penggunaan gaya bahasa, pembentukan struktur ayat serta pemilihan kosa kata dan istilah dalam bahasa klasik yang semestinya berbeza dari bahasa moden. Kedua, berkaitan isu budaya yang meliputi pengetahuan mengenai latar belakang sesuatu mitos, adat, legenda dan kilasan. Ketiga, berkaitan gaya dan teknik penulisan.

Perbincangan mengenai terjemahan karya sastera Arab ke bahasa Melayu bukanlah suatu topik yang asing, malah ia sentiasa diberi perhatian oleh para sarjana dalam bidang terjemahan Arab-Melayu. Pelbagai kajian telah dilakukan oleh para sarjana dalam bidang ini. Namun, kajian ini menumpukan kepada penterjemahan karya sastera prosa Arab ke bahasa Melayu sahaja. Tinjauan literatur terhadap kajian-kajian lepas dalam kajian ini merangkumi dua bahagian iaitu tinjauan mengenai karya sastera terjemahan Arab-Melayu yang kerap dijadikan sebagai bahan kajian berkaitan terjemahan Arab-Melayu. Ia bertujuan untuk mengenalpasti kecenderungan serta aspek-aspek kajian yang telah diketengahkan oleh para sarjana. Manakala bahagian kedua ialah tinjauan berkaitan kaedah dan strategi penterjemahan bahasa kiasan dalam terjemahan karya sastera Arab-Melayu. Ia bertujuan untuk mengenalpasti kaedah dan strategi yang sering digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah bahasa kiasan Arab-Melayu.

Kajian ini adalah kajian kualitatif. Analisis kandungan dilakukan terhadap buku, artikel jurnal, kertas kerja persidangan, prosiding seminar dan tesis. Pangkalan data Google Scholar digunapakai bagi tujuan pencarian artikel jurnal yang bersesuaian dengan kajian ini. Data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian akan membentangkan rumusan mengenai kajian-kajian berkaitan terjemahan karya sastera prosa Arab ke bahasa Melayu.

2. Sejarah Awal Terjemahan Karya Sastra Prosa Arab ke Bahasa Melayu

Sejarah terjemahan karya Arab ke bahasa Melayu telah lama bermula. Semenjak zaman pramoden, cerita-cerita saduran terutamanya dari India dan Semenanjung Arab telah tersebar di alam Melayu. Setelah agama Islam bertapak, para ulama giat menterjemahkan kitab-kitab agama. Hal ini kerana masyarakat Melayu perlu bergantung kepada terjemahan untuk mendalami agama Islam. Antara kitab agama yang diterjemahkan ialah *Hidāyah al-Sālikīn fī Sulūk Maslak al-Muttaqīn* oleh Syeikh ‘Abd al-Samad al-Palimbani dan *Minhāj al-‘Ābidīn ila Jannat Rabb al-‘Ālamīn* oleh Syeikh Daud al-Fatani (Azri & Ahmad, 2020). Tuntasnya, karya terjemahan teks agama Islam telah mempelopori sejarah awal perkembangan terjemahan Arab-Melayu di alam Melayu.

Selain terjemahan teks agama Islam, pengaruh kesusasteraan juga turut menjadi faktor perkembangan terjemahan Arab-Melayu menerusi penterjemahan karya sastra yang mahsyur seperti *Hikāyat Alf wa Laylah* dan *Kalīlah wa Dimnah*. Menurut Zailani (2017), kedua-dua karya ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap kesusasteraan Melayu. Penterjemahan karya sastra Arab ini merupakan bukti kewujudan hubungan pensejagatan antara budaya Arab dan Melayu berteraskan tradisi dan amalan yang sama iaitu agama Islam. Karya kesusasteraan menjadi nadi pemikiran dan pendidikan manusia sejagat menerusi penghayatan terhadap mesej pengajaran yang dibawa dalamnya (Zailani, Abu Bakar & Mohamad Anuar Kamal, 2017).

Pada peringkat awal perkembangan terjemahan karya sastra khususnya karya sastra Arab di Malaysia, dua buah karya sastra terjemahan utama telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu *Hikayat Seribu Satu Malam* (1961) dan *Kalilah wa Dimnah* (1964) (Abdullah, 1991). Pada tahun 1993, *Bibliografi Terjemahan karya Arab* telah menyenaraikan hanya sejumlah 10 buah karya terjemahan dalam kategori bahasa dan sastra. Hanya sebilangan kecil para sarjana berkecimpung aktif dalam penterjemahan karya sastra Arab di Malaysia, iaitu Shamsuddin Jaffar, A. K. Zain, Osman Haji Khalid, Muhammad Bukhari Lubis, Nahmar Jamil dan Sohair Abdul Moneim Sery (Ahmad, 2011). Manakala sehingga tahun 2001, Dewan Bahasa dan Pustaka didapati hanya menerbitkan empat buah sahaja novel terjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu (Haroon & Abdul Majid, 2015). Antaranya ialah novel bertajuk *Lorong Midaq* (1984) karya Naguib Mahfouz, iaitu *Zuqaf al-Midaq*, *Hanya Semalam* (1987) karya Kulit Suhail bertajuk *Laila Wahidah dan Duri-duri Liar* (1992) karya Sahar Khalifeh bertajuk *Wild Thorns* (Raja Ariffin, 2008).

Che Mat (2016), menyatakan bahawa terjemahan karya prosa sastra Arab-Melayu masih kurang dihasilkan di Malaysia. Manakala data yang diterbitkan oleh UNESCO (2017) pula menyenaraikan hanya sembilan buah karya sastra Arab sahaja telah diterjemahkan ke bahasa Melayu. Senarai karya tersebut mengikut kronologi tahun ialah *Alf Laylah wa Layla: Aladdin dengan lampu ajaibnya* (1979), *Alf Laylah wa Layla: Ali Baba dengan Empat Puluh Orang Penyamun* (1979), *Ihsan: Cinta di Lembah Nil: Kumpulan Cerpen Mesir* (1984), *Pancasuara: Himpuan Sajak Arab Klasik dan Modern* (1984), *Lorong Midaq* (1984), *Sri Ayu: Drama Kanak-kanak* (1984), *Hanya Semalam* (1987), *Cinta Granada* (2009) dan *Gadis-gadis Kota Riyadh* (2010) (Saja, 2021). Lantaran itu, perkembangan terjemahan karya sastra Arab ke bahasa Melayu dilihat masih kurang menggalakkan.

3. Terjemahan Karya Sastra Prosa Arab-Melayu dalam Kajian-kajian Lepas

Menerusi pencarian data mengenai terjemahan karya sastra Arab-Melayu di *Google Scholar*, beberapa karya terjemahan sastra prosa Arab-Melayu didapati kerap dijadikan sebagai bahan kajian berkaitan penterjemahan Arab-Melayu. Antaranya ialah *Kalīlah wa Dimnah*, *Rihlah Ibn Battūtah*, *Hikāyat Alf Laylah wa Laylah* dan *Masrūr wa Maqrūr*.

Jadual 1: Senarai karya terjemahan sastra prosa Arab-Melayu

Bil.	Karya Terjemahan /Penterjemah	Karya Asal/Pengarang
1	<i>Kalilah dan Dimnah</i> - Khairuddin Muhammad (1964)	<i>Kalīlah wa Dimnah</i> ‘Abdullah ibn al-Muqaffa’ (730M)
	<i>Kalilah & Dimnah: Inspirasi Cendekiawan Merentas Masa</i> - Siti Hadijah Mappeneding (2017)	
2	<i>Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia</i> - Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd. Dom (2003)	<i>Rihlat Ibn Battūtah al-Musammah Tuḥfah al-Nuẓẓār fī Gharā’ib al-Amsār</i> Ibn Battūtah (1357M)
3	<i>Hikayat Seribu Satu Malam</i> - Haji Abdullah bin Haji Abu Bakar (1907)	<i>Hikāyat Alf Laylah wa Laylah</i> Tanpa nama pengarang (awal kurun ke-18)

Abdullah bin Haji Abu Bakar telah menterjemahkan karya ini berdasarkan karya bahasa Arab. Seterusnya, pada tahun 1965, *Hikayat Seribu Satu Malam* telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Karya terjemahan ini diolah berdasarkan karya versi bahasa Arab yang disusun oleh Muhammad Ahmad Baranik, Amin Ahmad al-Atar dan Hassan Jauhar (Zailani et al., 2017).

3.1.4 *Masrūr wa Maqrūr*

Masrūr wa Maqrūr ialah novel Arab yang ditulis oleh Ahmad Shāfiq Bahjat atau dikenali sebagai Ahmad Bahjat. Novel ini telah dihasilkan pada tahun 1984. Pada tahun 1987, Nahmar Jamil telah menterjemahkan karya ini ke dalam bahasa Melayu berjudul *Masrur dan Makrur*. Karya ini merupakan sebuah karya sastera yang menjadikan agama sebagai topik utamanya. Karya ini mengisahkan dua orang pemuda yang mempunyai karakter berbeza, iaitu Makrur merupakan seorang pemuda yang beriman kepada Allah SWT, manakala Masrur ialah pemuda yang ingkar kepada Tuhan, bahkan mengaku bahawa dirinya adalah Tuhan. Pengakhirannya menggambarkan Makrur bahagia di syurga, namun Masrur dibawa ke neraka kerana kezalimannya sendiri (Ahmad, 2011).

4. Analisis Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur dalam kajian ini merangkumi dua bahagian utama:

- i. Kajian-kajian lepas berkaitan empat karya terjemahan sastera prosa Arab-Melayu yang terpilih: *Kalīlah wa Dimnah*, *Rihlah Ibn Baṭṭūṭah*, *Hikāyat Alf Laylah wa Laylah* dan *Masrūr wa Maqrūr*.
- ii. Kajian-kajian lepas mengenai kaedah dan strategi penterjemahan bahasa kiasan dalam karya sastera Arab-Melayu.

4.1 Tinjauan Literatur Terhadap Karya-karya Sastera Terjemahan Terpilih

Berikut adalah senarai kekerapan kajian-kajian lepas mengenai empat (4) buah naskhah karya sastera terjemahan terpilih berdasarkan tempoh 20 tahun bermula tahun 2001 sehingga 2021 mengikut kategori:

Jadual 2: Kekerapan kajian

Bil.	Judul/ Jenis	Disertasi/ Tesis	Jurnal	Bab dalam Buku	Prosiding	Kertas Persidangan	Jumlah
1	<i>Kalīlah wa Dimnah</i>	-	2	-	1	1	4
2	<i>Rihlah Ibn Baṭṭūṭah</i>	3	2	-	-	-	5
3	<i>Hikāyat Alf Laylah wa Laylah</i>	1	-	-	1	-	2
4	<i>Masrūr wa Maqrūr</i>	2	1	1	1	-	5

4.1.1 Kajian-kajian mengenai *Kalīlah wa Dimnah*

A Bakar, A. Abd. Rahman, dan Muhamad Saad (2018) membincangkan strategi penterjemahan teks sastera Arab-Melayu dalam *Kalilah dan Dimnah*. Kajian ini memilih hanya tiga alegori daripada bab awal karya bertajuk bab *Hikayat Singa dan Seladang* sebagai data kajian. Kajian mendapati pelbagai strategi telah digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah karya ini. Antaranya ialah pemindahan, adaptasi, pengurangan, penambahan, ringkasan, literal, penggantian, pengguguran, modulasi dan juga transposisi. Penterjemah juga seringkali melakukan penyesuaian terhadap teks sumber mengikut bahasa sasaran. Selain itu, gabungan terjemahan secara literal dan komunikatif didapati mendominasi hasil terjemahan.

Kajian oleh Mansor, A. Bakar dan Abd. Rahman (2019), pula mengetengahkan prosedur dan bentuk-bentuk modulasi oleh Vinay dan Darbelnet (1958/1995) bagi menganalisis teks terjemahan *Kalīlah wa Dimnah*. Kajian ini menganalisis sembilan struktur ayat yang dipilih secara rawak daripada teks *Kalīlah wa Dimnah*. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan tiga bentuk modulasi oleh penterjemah. Penterjemah kesan mengalihkan struktur ayat aktif kepada ayat pasif atau ayat pasif kepada ayat aktif, mengalihkan struktur ayat nafi, serta mengalihkan struktur ayat asal, namun masih mengekalkan makna yang dikehendaki oleh teks sumber ke dalam bahasa Melayu dalam menterjemahkan *Kalīlah wa Dimnah* ke bahasa Melayu.

Abdul Shukor, Muhamad Romli dan Mohamed (2020), telah mengetengahkan pengetahuan mengenai teknik eksplisit dan implimentasinya dalam penterjemahan sebagai topik utama perbincangan. Teori

pengeksplicitan oleh Vinay dan Darbelnet serta Klaudy dan Karoly telah dijadikan landasan kepada analisis dalam kajian ini. Analisis dilakukan terhadap makna eksplisit dalam teks terjemahan. Hasil kajian menunjukkan penggunaan teknik eksplisit dalam menterjemah peribahasa Arab ke bahasa Melayu. Teknik eksplisit seperti ellipsis, pengkhususan, perluasan leksikal, penggantian, penjelasan serta parafrasa eksplisit dapat dilihat pada teks terjemahan.

Kajian Muhammad Alhadi, Syed Abdullah dan Ismail (2021), pula memfokuskan perbincangan mengenai penterjemahan kolokasi Arab dan permasalahannya. Dalam kajian ini, struktur kolokasi Ghazali (2004) dan teori Baker (1992) telah digunakan bagi menganalisis teks terjemahan *Kalīlah wa Dimnah*. Hasil kajian mengenalpasti beberapa masalah dalam menterjemahkan kolokasi Arab dalam teks terjemahan *Kalīlah wa Dimnah*. Antaranya ialah ketegangan antara ketepatan, kesejadian, penyerapan terhadap bentuk bahasa sumber dan kolokasi khusus budaya.

4.1.2 Kajian-kajian mengenai *Rihlah Ibn Baṭṭūṭah*

Syed Abdullah (2001) dalam kajian sarjananya menganalisis faktor lexis dan budaya dalam penterjemahan Arab-Melayu. Penterjemah didapati sering menghadapi kesukaran dalam menterjemahkan aspek budaya terutamanya untuk memilih lexis yang sesuai. Terdapat beberapa permasalahan yang perlu ditangani oleh penterjemah iaitu makna denotasi, konotasi dan idiomatik. Kajian merumuskan bahawa penterjemah perlu menguasai faktor lexis dan budaya untuk menangani permasalahan makna denotasi, konotasi dan juga idiomatik agar dapat menghasilkan terjemahan bermutu dan bernilai komunikatif.

Syed Abdullah (2015) dalam kajian tesisnya pula telah melakukan analisis terhadap teks terjemahan '*Rihlah Ibn Baṭṭūṭah*'. Fokus utama kajian ini adalah mengenai makna implisit dan eksplisit dalam teks terjemahan. Pendekatan pengeksplicitan oleh Klaudy dan Karoly (2005), Pym (2005) telah digunakan terhadap sejumlah 149 set dialog yang dipilih dalam karya tersebut. Kajian menghuraikan beberapa faktor yang perlu diberi penekanan dalam menterjemahkan bentuk makna implisit dan eksplisit. Antara faktor-faktor tersebut ialah ciri balaghah Arab, agama, pragmatik, leksiko-tatabahasa, strategi komunikasi dalam dialog, nilai kesantunan bahasa sastera serta pilihan komunikasi.

Sidek (2015) juga menjadikan buku '*Rihlah Ibn Baṭṭūṭah*' sebagai bahan kajian utama dalam kajian mengenai penterjemahan kata nama khas tempat. Sejumlah 250 data kajian dikenalpasti dalam karya asal ini dan juga padanan terjemahannya dalam bahasa Melayu telah dipilih. Data kajian seterusnya dianalisis dengan menggunakan dua teori terpilih iaitu prinsip-prinsip bahasa oleh Za'ba dan panduan terjemahan *proper names* oleh James Dickins, Sandor Hervej dan Ian Higgins. Dapatan menunjukkan bahawa kurangnya penggunaan kata nama khas tempat bahasa Melayu, manakala penggunaan atau ejaan yang digunakan adalah pelbagai jenis. Strategi pinjaman budaya kerap digunakan iaitu peniruan sebutan dalam bahasa Arab. Penterjemah juga mengaplikasikan transliterasi pendekatan ad hoc iaitu tidak menggunakan lambang-lambang diakritik dalam ejaan.

Mansor (2015) pula mengetengahkan perbincangan mengenai penterjemahan unsur-unsur budaya dalam terjemahan *Rihlah Ibn Baṭṭūṭah*. Aspek sosiobudaya dilihat mempengaruhi pemilihan prosedur meminjaman dalam proses penterjemahan unsur-unsur budaya. Kaedah penerangan dan pemerhatian serta temu bual telah digunakan dalam kajian ini. Dapatan menunjukkan terdapat lima faktor utama sosiobudaya yang mempengaruhi pemilihan prosedur meminjaman iaitu polisi bahasa kebangsaan terhadap meminjaman perkataan asing, latar belakang para penterjemah, status bahasa Arab di Malaysia, kemahsyuran teks sumber serta fungsi teks sumber dan teks sasaran. Kesemua faktor tersebut dilihat mempengaruhi pemilihan meminjaman sebagai prosedur yang utama oleh penterjemah. Manakala Yaakob et al. (2020) telah membincangkan mengenai terjemahan makna implisit yang terdapat di dalam karya *Rihlah Ibn Baṭṭūṭah*. Sebanyak 149 set dialog telah dipilih sebagai sampel kajian dan dianalisis bagi mengenalpasti strategi penterjemahan makna implisit yang digunakan oleh penterjemah. Hasil kajian mendapati beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan strategi eksplisit oleh penterjemah iaitu faktor agama, balaghah, aspek leksikografi dan pragmatik serta kesantunan bahasa.

4.1.3 Kajian mengenai *Hikāyat Alf Laylah wa Laylah*

Zailani (2003) dalam kajian sarjananya telah membincangkan penterjemahan *Hikāyat Alf Laylah wa Laylah* dari aspek permasalahan etnologi dan sosiolinguistik iaitu penggunaan sistem gelaran dan kata ganti nama diri yang berbeza di dalam bahasa sumber (bahasa Arab) dan bahasa sasaran (bahasa Melayu). Masalah yang timbul disebabkan oleh perbezaan sistem linguistik dan budaya yang wujud boleh ditangani dengan baik sekiranya

penterjemah mempunyai kefahaman mengenai sosiolinguistik dan etnologi dalam bahasa sumber dan juga bahasa sasaran. Oleh itu, penterjemah perlu bijak memilih kata ganti nama diri serta menggunakan sistem gelaran yang bersesuaian agar hasil terjemahan dapat diterima baik oleh pembaca sasaran.

Zailani et al. (2017) juga telah mengupas mengenai sejarah penterjemahan *Hikāyat Alf Laylah wa Laylah* ke bahasa Melayu serta penerimaannya dalam kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Hasil kajian merumuskan bahawa karya ini mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam filem dan teater Melayu. Antara filem Melayu yang dipengaruhi oleh cerita dan budaya dalam karya ini ialah *Aladin* (1952), *Abu Hassan Penchuri* (1955), *Ali Baba Bujang Lapok* (1961) dan *Sabaruddin Tukang Kasut* (1966). Ketiga-tiga filem ini merupakan adaptasi daripada kisah-kisah dalam *Hikāyat Alf Laylah wa Laylah* menerusi penerapan budaya masyarakat Arab dalam lakonan.

4.1.4 Kajian-kajian mengenai *Masrūr wa Maqrūr*

Jumingan (2003) dalam kajiannya mengetengahkan peranan pragmatik terhadap penterjemahan bahasa figuratif dalam novel *Masrur dan Makrur* terjemahan Nahmar Jamil. Teori relevans oleh Sperber dan Wilson telah digunakan dalam kajian ini. Kajian telah mengenalpasti penggunaan pelbagai bahasa figuratif dalam novel tersebut merangkumi simpulan bahasa, metafora, simile, ironi, hiperbola dan personifikasi. Hasil kajian ini menunjukkan peranan ilmu pragmatik menerusi penggunaan teknik terjemahan langsung dalam penterjemahan bahasa figuratif Arab-Melayu.

Ahmad (2011) melakukan analisis terhadap karya sastera *Masrūr wa Maqrūr* bertujuan menilai teks terjemahan yang telah dihasilkan oleh Nahmar Jamil. Terjemahan yang dihasilkan merupakan terjemahan komunikatif iaitu terjemahan bebas yang tidak terikat kepada terjemahan secara harfiah semata-mata. Kajian ini mendapati Nahmar telah berjaya menterjemahkan teks dengan baik serta berjaya mengekalkan gambaran dalam teks asal ke dalam teks sasaran. Justeru itu, ketokohan dan sumbangan Nahmar Jamil dalam penterjemahan karya sastera Arab-Melayu adalah diperakui.

Mohd Sa'ad (2012) dalam tesis sarjananya telah menggunakan beberapa teori iaitu teori dinamik, semantik, komunikatif dan teori relevans sebagai kerangka analisis dalam kajiannya mengenai terjemahan preposisi Arab. Kajian ini menjadikan teks terjemahan *Masrur dan Makrur* oleh Nahmar Jamil sebagai bahan kajian. Hasil kajian menunjukkan kesukaran untuk menterjemahkan kategori tatabahasa tertentu secara leksikal dalam penterjemahan preposisi. Oleh itu, penterjemah perlu memberi perhatian kepada tiga langkah utama bagi memperoleh makna yang tepat dalam menterjemah preposisi Arab-Melayu. Pertama, mengenalpasti peraturan tatabahasa, sintaksis dan struktur ayat terlebih dahulu. Kedua, menitikberatkan kesesuaian antara aspek semantik dan konteks situasi. Ketiga, menggabungkan frasa yang tepat.

Mohd Sa'ad et al. (2014) dalam kajian mengenai kepelbagaian fungsi preposisi Arab dalam bahasa Melayu telah melakukan perbandingan terhadap teks sastera Arab dan teks terjemahannya dalam bahasa Melayu. Analisis dilakukan terhadap sampel kajian dengan menggunakan pendekatan terjemahan semantik dan komunikatif oleh Newmark (1981). Hasil kajian merumuskan pengetahuan mengenai preposisi Arab serta pemahaman yang mendalam mengenai kepelbagaian fungsi preposisi Arab berperanan penting bagi membangkitkan elemen keaslian bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran.

Jumingan (2016) menjelaskan konsep teori relevans dalam penterjemahan bahasa figuratif. Analisis teori relevans dilakukan terhadap dua data terpilih dalam novel *Masrur dan Makrur* dari aspek metafora dan aspek personifikasi. Kajian merumuskan bahawa teknik penterjemahan langsung sesuai digunakan bagi penterjemahan personifikasi. Hal ini kerana teknik penterjemahan langsung berupaya menghasilkan interpretasi sebenar terjemahan bahasa figuratif sebagaimana yang dimaksudkan dalam teks sumber. Penerapan teori relevans didapati mampu mengekalkan konteks teks sumber serta memelihara unsur budaya dan reaksi asal dalam teks sumber.

4.1.5 Kecenderungan aspek kajian oleh para pengkaji terdahulu

Berikut adalah kecenderungan aspek kajian berkaitan penterjemahan karya sastera Arab-Melayu dalam kajian-kajian lepas:

Jadual 3: Kecenderungan aspek kajian

Bil.	Karya Sastera	Aspek Kajian	Kerangka Analisis
1	<i>Katilah dan Dimnah</i>	Strategi penterjemahan	Penambahan, pengguguran, penggantian, pengurangan, pemindahan, ringkasan, adaptasi, literal, modulasi dan transposisi

	Penterjemahan ayat Penterjemahan peribahasa Penterjemahan kolokasi	Prosedur modulasi Teori pengeksplicitan oleh Vinay dan Darbelnet serta Klaudy dan Karoly Struktur kolokasi Ghazali (2004) dan teori Baker (1992)
2	<i>Rihlah Ibn Baṭṭūṭah</i>	Penterjemahan makna denotasi, konotasi dan idiomatik Penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit Penterjemahan kata nama khas tempat Penterjemahan elemen budaya Penterjemahan makna implisit
		Pendekatan akulturasi oleh Levere dan Bassnett Mc-Guire (1992) Teori Pengeksplicitan oleh Klaudy dan Karoly (2005) dan Pym (2005) Panduan terjemahan <i>proper names</i> oleh James Dickins, Sandor Hervey dan Ian Higgins serta prinsip-prinsip bahasa oleh Za'ba Prosedur peminjaman Pengeksplicitan
3	<i>Hikāyat Alf Laylah wa Laylah</i>	Kata ganti nama diri dan sistem gelaran Sejarah dan pengaruh terhadap sastera dan budaya Melayu
		Pendekatan Noriah (1998), Ab. Rahman dan Yap (1999) -
4	<i>Masrūr wa Maqrūr</i>	Penterjemahan bahasa figuratif Penterjemahan teks sastera Preposisi Arab Penterjemahan bahasa figuratif
		Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson Teori-teori terjemahan Terjemahan semantik dan komunikatif oleh Newmark (1981) Teori Relevans

Jadual 3 menunjukkan kecenderungan aspek kajian yang diketengahkan oleh para sarjana. Kajian-kajian lepas didapati cenderung membincangkan penterjemahan menerusi kerangka analisis berlandaskan teori-teori tertentu. Ini selari dengan hasil tinjauan literatur oleh Saja, Ahmad dan Zailani (2018) yang menyatakan bahawa para sarjana mempunyai kecenderungan untuk menilai hasil terjemahan sesuatu teks sastera bagi melihat teori yang bersesuaian untuk diimplimentasi berlandaskan kajian-kajian terdahulu. Tuntasnya, meskipun para pengkaji terdahulu menggunakan kerangka analisis yang berlainan, namun tujuan utamanya adalah untuk menangani konsep dua makna yang terkandung dalam sesebuah karya kesusasteraan.

4.2 Tinjauan Literatur terhadap Kaedah Terjemahan Bahasa Kiasan dalam Karya Sastera Terjemahan Arab-Melayu

Terjemahan karya sastera terdiri daripada dua elemen penting iaitu ciri-ciri dan kandungan kesusasteraan. Kombinasi kedua-dua elemen ini menjadikan hasil terjemahan karya sastera bersifat estetika seolah-olah karya asli. Oleh itu, penterjemah perlu memiliki kecekapan dalam menggabungkan pelbagai teknik dan kemahiran dalam menggarap unsur dan nilai kesusasteraan yang tinggi kerana penterjemahan karya sastera bukanlah suatu usaha yang mudah (Goh, 2016).

Bahasa kiasan ialah bahasa yang mempunyai makna yang berlainan sama sekali dengan makna perkataan-perkataan yang membinanya. Ia tidak dapat ditafsir berdasarkan makna kamus semata-mata (Omar, 2005). Bahasa kiasan merupakan salah satu elemen utama dalam sesebuah karya sastera. Ia digunakan secara meluas dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Arab. Penterjemahan bahasa kiasan adalah salah satu isu yang menimbulkan kerumitan dalam penterjemahan karya sastera Arab-Melayu.

Penterjemah seringkali menghadapi kesukaran untuk mencari padanan yang bersesuaian dalam menterjemah bahasa kiasan Arab-Melayu. Faktor jurang budaya yang besar antara kedua-dua bahasa merupakan faktor utama yang menimbulkan kerumitan dalam penterjemahan bahasa kiasan. Perbezaan budaya masyarakat Melayu dan Arab menyebabkan tiada kaedah khusus yang boleh diterapkan dalam usaha menterjemah (Zainal Abidin, Mustapha, Abd. Rahim, & Syed Abdullah, 2020). Oleh itu, penterjemah perlu menangani perbezaan yang wujud antara kedua-dua bahasa dengan menguasai aspek linguistik serta memahami latar belakang budaya masyarakat dalam menterjemah bahasa kiasan (Abdullah et al., 2018).

Ahmad et al. (2021), menyatakan kaedah adalah cara atau peraturan membuat sesuatu terutamanya yang bersistem atau yang biasa. Manakala bahasa kiasan pula bermaksud ialah perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam makna yang berlainan daripada makna sebenar atau makna biasa perkataan itu. Justeru, kaedah terjemahan bahasa kiasan ialah tatacara untuk menterjemah ungkapan yang mempunyai makna yang berlainan daripada kebiasaan bertujuan untuk menghasilkan terjemahan sebagaimana yang dikehendaki dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran.

Kajian Abdul Rahman, Sapar dan Ahmad (2013) terhadap cerpen bertajuk *Kasih dan Harapan* mengesan kelemahan yang ada pada hasil terjemahan tersebut. Penterjemah didapati menghadapi kesukaran dalam menterjemahkan peribahasa sehingga menjejaskan hasil terjemahan peribahasa. Berikut adalah contoh terjemahan yang kurang memuaskan dalam cerpen tersebut:

Jadual 4: Terjemahan teks secara literal

Bil.	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	مُعَلَّمَةٌ بِحَيْطٍ رَفِيعٍ	Bergantung pada benang yang halus
2	أَحْرَّ مِنَ الْجَمْرِ	Lebih panas dari bara api (tidak sabar)

Penterjemahan secara literal telah menyebabkan timbulnya kejanggalan dalam bahasa sasaran. Oleh itu, adalah lebih baik sekiranya penterjemah menggunakan peribahasa yang sepadan dalam bahasa sasaran. Maka, *مُعَلَّمَةٌ بِحَيْطٍ رَفِيعٍ* boleh diterjemahkan kepada: seperti telur di hujung tanduk bagi menggambarkan situasi tidak selamat atau terancam. Manakala *أَحْرَّ مِنَ الْجَمْرِ* pula boleh diterjemahkan kepada: seperti cacing kepanasan bagi menggambarkan keadaan resah gelisah bersesuaian dengan konteks ayat tersebut. Pemilihan peribahasa yang sepadan makna dalam bahasa sasaran ini lebih bersesuaian bagi memberi kefahaman kepada pembaca dalam bahasa sasaran (Abdul Rahman et al., 2013).

Ibrahim (2014) dalam kajian sarjananya telah menyenaraikan beberapa strategi penterjemahan bahasa kiasan iaitu strategi Eugene A. Nida (1964), strategi Beekman dan Callow (1974), strategi Peter Newmark (1992), strategi Mildred L. Larson (1998), strategi Quwaydir (2000), strategi Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2008), strategi Norizah Ardi et al. (2009) dan strategi Mona Baker (2011). Kesemua strategi ini dilihat berfungsi dalam penterjemahan bahasa kiasan.

Ibrahim (2014) telah melakukan analisis bertujuan untuk mengenal pasti strategi penterjemahan peribahasa Melayu ke bahasa Arab. *Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris* telah digunakan sebagai korpus dalam kajian ini. Strategi penggantian didapati sering digunakan oleh penterjemah. Menerusi strategi ini, peribahasa Melayu akan digantikan dengan peribahasa Arab yang mempunyai maksud yang sepadan. Dalam kajian ini, strategi penggantian dikenalpasti paling mendominasi dalam hasil terjemahan. Ibrahim (2014) mendatangkan contoh terjemahan sebagaimana berikut:

Jadual 5: Strategi penggantian dalam terjemahan peribahasa Arab-Melayu

Bil.	Peribahasa Melayu	Peribahasa Arab
1	Ada udang di sebalik batu	لَهُ فَأَسْرٌ يَشْحُدُهَا
2	Ada umpan, ada sajakah ikan?	الدَّهْبُ لَا يَشْتَرِي كُلُّ شَيْءٍ
3	Adakah buaya menolak bangkai?	الْقَبْحَةُ مَا تَتَوَّبُ وَالْمَاءُ فِي الرَّيْرِ مَا يَرُوبُ

Berdasarkan contoh terjemahan berikut, penterjemah menggantikan peribahasa Melayu dengan peribahasa Arab yang mempunyai maksud yang sama meskipun unsur haiwan yang wujud dalam peribahasa Melayu perlu ditukar dan digantikan dengan haiwan lain dalam bahasa Arab (Ibrahim, 2014). Penggunaan strategi ini dikesan kerap digunakan oleh penterjemah bertujuan memelihara makna asal peribahasa Melayu agar tidak hilang (Ibrahim, 2014).

Che Mat (2016) pula menganalisis teks terjemahan sastera berdasarkan aspek semantik dan sintaksis. Hasil kajian mendapati pengetahuan linguistik iaitu sintaksis dan semantik amatlah penting dalam usaha menterjemah sesuatu teks. Penterjemah juga perlu mengetahui persamaan dan perbezaan yang wujud antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Selain itu, penterjemah perlu memiliki daya kreatif dalam menangani terjemahan dialog yang terdapat dalam karya sastera seperti cerpen. Kajian ini menitikberatkan pengetahuan sintaksis dan semantik dalam kalangan para penterjemah karya prosa sastera.

Nik Ali & Mat Teh (2018) telah mengkaji strategi untuk menterjemahkan peribahasa Arab kepada peribahasa Melayu. Tiga strategi utama penterjemahan peribahasa telah dikenalpasti iaitu menterjemahkan secara lafaz satu persatu (*lafziyyah*), menterjemahkan maksud secara umum dan menterjemahkan kepada peribahasa Melayu yang sepadan. Strategi terjemahan secara lafaz satu persatu (*lafziyyah*) perlu digunakan sekiranya terjemahan tidak memerlukan kepada huraian yang mendalam. Strategi ini dapat memelihara sumber asal teks. Contoh terjemahan secara *lafziyyah* sebagaimana berikut (Nik Ali & Mat The, 2018):

Jadual 6: Strategi terjemahan *lafziyyah* dalam terjemahan peribahasa Arab-Melayu

Bil	Peribahasa Arab	Peribahasa Melayu
1	كالثور يضرب لما عافت البقر	Seperti sapi yang dipukul kerana keengganan lembu
2	فتاة بأبيها معجبة	Setiap perempuan mengkagumi ayahnya
3	ترى الفتیان كالنخل وما يدريك ما الدخل	Kamu lihat dua orang pemuda cantik seperti pokok kurma luarannya dan kamu tidak tahu keaiban batinnnya

Manakala penggunaan strategi terjemahan kepada peribahasa Melayu yang sepadan maknanya pula boleh digunakan apabila terjemahan secara lafaz satu persatu (*lafziyyah*) tidak berupaya menterjemah maksud sumber asal teks. Contoh terjemahan kepada peribahasa Melayu yang mempunyai makna sepadan sebagaimana berikut (Nik Ali & Mat Teh, 2018):

Jadual 7: Strategi terjemahan peribahasa sepadan

Bil	Peribahasa Arab	Peribahasa Melayu
1	جزاء سنمار	Susu dibalas tuba
2	وافق شن طبقة	Bagai dipinang dibelah dua

Kedua-dua peribahasa ini perlu diterjemah kepada peribahasa yang sepadan maknanya dalam bahasa Melayu kerana ia sukar difahami jika diterjemahkan secara lafaz satu persatu (*lafziyyah*). Hal ini disebabkan oleh wujudnya makna tersirat dalam peribahasa tersebut. Namun, penggunaan kaedah penterjemahan sebegini akan mengakibatkan hilangnya beberapa perkataan asal dalam teks sumber. Ini menunjukkan bahawa penggunaan strategi terjemahan ini boleh menjadi pilihan alternatif bagi menangani kekurangan yang wujud pada strategi terjemahan secara lafaz satu persatu (*lafziyyah*) (Nik Ali & Mat Teh, 2018).

Zainal Abidin et al. (2020) telah melakukan analisis serta membuat perbandingan antara terjemahan ungkapan idiom Arab-Melayu oleh *Google Translate (GT)* dan terjemahan kamus. Dapatan merumuskan bahawa hasil terjemahan oleh *GT* adalah lebih baik dan berkualiti apabila penterjemahan ungkapan idiom dilakukan bersama konteks ayat. *GT* juga didapati berupaya mengenalpasti konteks yang bersesuaian bagi menterjemah idiom. Keberkesanan *GT* dapat ditingkatkan menerusi penggunaan teknik-teknik tertentu dalam menilai terjemahan yang dihasilkan.

Radin Salim & Mansor (2021) pula mengutarakan kepentingan elemen kecekapan budaya dalam penterjemahan. Penterjemah sering mengalami kesukaran disebabkan oleh faktor perbezaan budaya. Contohnya, dalam ayat: لبس إسماعيل القطن يوم العيد, perkataan القطن diterjemahkan sebagai kapas. Makna asal bagi القطن ialah kapas, namun dalam konteks budaya dan padanan makna bagi bahasa Melayu, terjemahan: 'Ismail mengenakan kapas pada hari raya' adalah tidak bersesuaian sama sekali. Penyesuaian terjemahan kepada 'baju berkain kapas' adalah lebih ideal berbanding memakai kapas. Hakikatnya, penggunaan perkataan القطن dalam budaya Arab merujuk kepada baju yang diperbuat daripada kapas. Strategi terjemahan perkataan demi perkataan dikesan tidak mampu menghasilkan terjemahan budaya yang bersesuaian.

Abdul Raup, Ismail dan Shafri (2022), menyatakan terdapat dua aspek utama yang perlu diberi penekanan oleh penterjemah dalam menangani terjemahan karya sastera iaitu strategi penterjemahan dan aspek tatabahasa. Penterjemah perlu bijak memilih strategi penterjemahan yang bersesuaian agar terjemahan yang dihasilkan mampu diterima baik oleh pembaca bahasa sasaran serta membangkitkan perasaan dan kesan emosi sebagaimana yang dikehendaki oleh bahasa sumber. Aspek tatabahasa pula perlu dititikberatkan agar terjemahan yang dihasilkan tidak kelihatan aneh dan janggal.

Tinjauan terhadap kajian-kajian lepas mendapati penterjemah menghadapi kesukaran untuk menangani terjemahan bahasa kiasan seperti peribahasa Arab-Melayu apabila terlalu setia dan terikat kepada terjemahan secara *lafziyyah* semata-mata. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa kaedah atau strategi yang boleh menjadi pilihan para penterjemah untuk menterjemahkan bahasa kiasan. Antaranya ialah strategi penggantian, teknik terjemahan lafaz satu persatu diikuti penterjemahan berdasarkan makna secara umum, penterjemahan kepada peribahasa Melayu yang sepadan, strategi terjemahan secara lafaz satu persatu (*lafziyyah*) serta terjemahan bersama konteks ayat.

5. Kesimpulan

Perbincangan kajian-kajian lepas mengenai penterjemahan karya sastera Arab-Melayu dilihat berkisar mengenai pelbagai aspek merangkumi sintaksis, sosiolinguistik, makna, gaya bahasa serta unsur budaya daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu. Dalam konteks kajian ini, para sarjana didapati cenderung membicarakan mengenai teori, pendekatan, strategi dan kaedah menterjemah menerusi kajian berbentuk analisis ke atas terjemahan karya sastera Arab-Melayu yang telah diterbitkan.

Hasil pemerhatian terhadap kajian-kajian lepas juga menunjukkan kelebihan dan kekurangan yang ada pada teori, kaedah dan strategi terjemahan dalam menangani masalah dalam penterjemahan. Nyata, penterjemahan karya sastera bukanlah suatu tugas yang mudah kerana penterjemah perlu menangani makna tersirat di sebalik makna tersurat dalam proses penterjemahan, bukan hanya menterjemah secara literal. Tidak dapat dinafikan, pemilihan kaedah dan strategi yang bersesuaian berperanan penting dalam penterjemahan karya sastera Arab-Melayu yang bermutu tinggi.

Perbincangan mengenai teori, kaedah dan strategi penterjemahan sering menjadi tumpuan para sarjana dari masa ke masa seiring perkembangan dalam disiplin ilmu terjemahan. Menerusi analisis berbentuk perbandingan serta penelitian terhadap kekurangan dan kelebihan yang ada pada sesuatu teori, kaedah dan strategi penterjemahan, pelbagai saranan dapat diutarakan bagi menangani kerencaman dalam tugas penterjemahan khususnya dalam disiplin ilmu terjemahan Arab-Melayu. Kajian-kajian baharu perlu diolah dan digarap berdasarkan lompong pengetahuan yang wujud dalam kajian-kajian lepas. Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan, masih kurang kajian berbentuk analisis kontrastif terhadap terjemahan bahasa kiasan Arab-Melayu dalam karya sastera terjemahan dilakukan. Oleh itu, kajian sebegini perlu digiatkan dengan menggunakan teori-teori dalam bidang terjemahan bagi menggalakkan perkembangan terjemahan karya sastera Arab-Melayu di Malaysia khususnya.

Penghargaan

Penghargaan kepada Yayasan Terengganu kerana menaja penyelidikan ini menerusi Biasiswa Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Rujukan

- A Bakar, A. Abd. Rahman, L., & Muhamad Saad, N. (2018). Strategi penterjemahan teks sastera ‘‘Kalilah dan Dimnah’’ Arab-Melayu. *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa USM 2018*, 275-283. Dicapai daripada <http://www/istri2018.usm.my>.
- Abdul Rahman, M. Z., Sapar, A. A., & Ahmad, M. (2013). Analisis strategi penterjemahan peribahasa Arab-Melayu terhadap teks ‘Kasih dan Harapan.’ *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 1-9. Dicapai daripada <https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5524/3282>.
- Abdul Raup, F. S., Ismail, N., & Shafri, M. H. (2022). Strategi penterjemahan pantun Melayu-Arab dalam siri animasi Upin & Ipin. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 851-864. <https://doi.org/10.53840//alirsyad.v7il.291>.
- Abdul Shukor, S. S., Muhamad Romli, T. R., & Mohamed, A. A. (2020). Analisis makna eksplisit penterjemahan peribahasa Arab-Melayu dalam buku Kalilah wa Dimnah. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(4), 79-89. <https://doi.org/10.33306/mjssh/98>.
- Abdullah, M. M. (1991). Penghargaan terhadap terjemahan dan penterjemah di Malaysia: Satu impian semata. Dlm. Mohd Noor, N. E. & Salleh, A. (Eds.). *Pragmatik Penterjemahan: Prinsip, Amalan dan Penilaian-Menuju ke Abad-21*, pp. 197-208. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, N., Abd. Rahman, L., & Samsudin, S. (2018). Terjemahan kinayah dalam wacana al-Quran: Analisis teori semantik Newmark. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 5(2), 256-276. Dicapai daripada <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/13800/1/>.
- Ahmad, I., Supardi, A., Kamin, S., Tajudin, Aziah., Jabbar, S., ... & Abdullah, R. (2021). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (Ed. Ke-4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, M. (2011). Nahmar Jamil dan sumbangannya dalam bidang penterjemahan Arab-Melayu di Malaysia. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, 249-257. Dicapai daripada https://www.academia.edu/4480161/Nahmar_Jamil_dan_sumbangannya_dalam_bidangpenterjemahan.

- Azri, A. Z., & Ahmad, M. (2020). Tinjauan literatur terjemahan istilah dalam teks agama. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 15-25. Dicapai daripada <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/152/136>.
- Che Mat, A. (2016). Analisis sintaksis-semantik dalam penterjemahan prosa Arab-Melayu. Dlm. Goh, S.S. (Eds.). *Isu-isu dalam Terjemahan Karya Sastera*, pp. 84-102. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Fu, C. (2016). Prinsip penterjemahan tradisional China dalam penterjemahan Sulalat al-Salatin. Dlm. Goh, S. S. (Eds.). *Isu-isu dalam Terjemahan Karya Sastera*, pp. 103-120. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Goh, S. S. (2016). *Isu-isu dalam terjemahan karya sastera*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Haroon, H., Abdul Majid, M. (2015). The translation of foreign novels into Malay by Dewan Bahasa dan Pustaka. *Malay Literature*, 28(1), 126-156. [https://doi.org/10.37052/ml.28\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/ml.28(1)no6).
- Ibrahim, N. H. (2014). *Analisis strategi penterjemahan peribahasa Melayu ke Bahasa Arab* [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Jumingan, M. F. (2003). *Penterjemahan bahasa figuratif Arab-Melayu: Satu analisis teori relevans* [Tesis PhD tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jumingan, M. F. (2016). Konsep teori relevans dalam penterjemahan bahasa figuratif novel Masrur wa Makrur. Dlm. Goh, S. S. (Eds.). *Isu-isu dalam Terjemahan Karya Sastera*, pp. 65-83. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mansor, I. (2015). Prosedur peminjaman dan elemen sosiobudaya dalam terjemahan Rihlat Ibn Battutah. *Kajian Malaysia*, 33(2), 61-81. Dicapai daripada [http://web.usm.my/km/33\(2\)2015/km33022015_04.pdf](http://web.usm.my/km/33(2)2015/km33022015_04.pdf).
- Mansor, W., A. Bakar, A., & Abd. Rahman, L. (2019). Prosedur modulasi dalam terjemahan Arab-Melayu karya Kalilah wa Dimnah. *Proceeding Conference International Seminar on Islam & Sciences 2019*, pp. 277-286. Dicapai daripada <https://www.researchgate.net/publication/337936265>.
- Marzuki, R. & Hajimaming, P. (2017). Elemen pembinaan akhlak al-Imam al-Ghazali menerusi karya klasik Kalilah wa Dimnah. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 1(1), 25-44. Dicapai daripada <https://journal.uniswa.edu.my/mjis/index.php/mjis/article/view/14>.
- Mohd Sa'ad, M. L. I. H. (2012). *Strategi penterjemahan kata sendi nama Arab ke bahasa Melayu: Satu analisis deskriptif dan semantik dalam novel "Masrur dan Makrur"* [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Mohd Sa'ad, M. L. I. H., Hajimaming, P., & Zainon Hamzah, Z. Z. (2014). Kepelbagaian terjemahan preposisi Arab dan fungsinya dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 67-78. Dicapai daripada https://www.researchgate.net/publication/270436808_Kepelbagaian_Terjemahan_Preposisi_Arab_dan_Fungsinya_dalam_Bahasa_Melayu.
- Muhammad Alhadi, N., Syed Abdullah, S. N., & Ismail, M. Z (2021). Masalah penterjemahan kolokasi Arab dalam Kalilah wa Dimnah. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 36-49. Dicapai daripada <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/74>.
- Nik Ali, N. R., & Mat Teh, K. S. (2018). Analisis strategi penterjemahan peribahasa Arab-Melayu. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(2), 57-60. Dicapai daripada <http://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2019/01/TAMU-Vol-42-December-2018-57-60.pdf>.
- Omar, A. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 3(1), 1-13. Dicapai daripada <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3371>.
- Radin Salim, N., & Mansor, I. (2021). Penguasaan kecekapan budaya dalam terjemahan Arab-Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(2), 111-134. <http://dx.doi.org/10.17576/gema-2021-2102-06>.
- Raja Ariffin, R. M. (2008). Senarai kepustakaan terjemahan dalam bahasa Melayu. Dlm. Hassan, A., Che Omar, H., Daut Mohmud, D. & Abdullah, S. (Eds.). *Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu*, pp. 712-781. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dan PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Saja, I. (2021). *Teknik penterjemahan ideogram dalam antologi puisi 'Ayn ke Bahasa Arab dan cabarannya* [Tesis PhD tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saja, I., Ahmad, M., & Zailani, S. (2018). Tinjauan literatur penterjemahan karya sastera Arab dan Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(1): 21-32. Dicapai daripada <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/4/3>.
- Sidek, S. (2015). *Penterjemahan kata nama khas tempat dalam buku Pengembaraan Ibn Battūṭah* [Tesis PhD tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167, Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

JOURNAL AL-IRSYAD

Vol. 7, No. 2, (December, 2022)

- Syed Abdullah, S. N. (2001). *Faktor leksis dan budaya dalam terjemahan Arab-Melayu: Satu analisis karya Rihlah Ibn Battutah* [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Syed Abdullah, S. N. (2015). *Analisis makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan buku 'Rihlah Ibn Battutah' ke Bahasa Melayu* [Tesis PhD tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Yaakob, N. A., Syed Abdullah, S. N., Abd Kadir, K., Boudville, A. G., & Mohd Yasin, B. H. (2020). Explicitation strategy in the translation of 'Rihlah Ibn Battutah' into English. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 10(10), 981-997. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v10-i10/7781>.
- Zailani, S. (2003). Masalah etnologi dan sosiolinguistik dalam penterjemahan Alf Laylah wa Laylah [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zailani, S. (2017). *Penterjemahan kala kata kerja, kata kerja bantu, dan modus daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dalam novel al-Ayyam* [Tesis PhD tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zailani, S., Abu Bakar, K., & Mohamad Anuar Kamal, N. I. (2017). Penerimaan Hikayat Alf Laylah Wa Laylah dalam kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penyelidikan Alam Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dicapai daripada [http://repository.ummat.ac.id/4115/2/PROSIDING%20SEMINAR%20INTERNASIONAL%20MAEM UNAH%203.pdf](http://repository.ummat.ac.id/4115/2/PROSIDING%20SEMINAR%20INTERNASIONAL%20MAEM%20UNAH%203.pdf).
- Zainal Abidin, E.E., Mustapha, N.F., Abd. Rahim, N., & Syed Abdullah, S.N. (2020). Penterjemahan idiom Arab-Melayu melalui Google Translate: Apakah yang perlu dilakukan? *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(3), 156-180. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-10>.